




Oleh: MOHD ZAMRI SHAH MASTOR  
Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa)



# misteri lautan belakang rumah

## Bermulanya cerita segi tiga Bermuda

Vincent Gaddis adalah orang pertama telah menulis bahawa Segitiga Bermuda merupakan sebuah kawasan berbentuk segi tiga yang penjurua-penjurunya terletak di tiga wilayah iaitu Miami di semenanjung Florida, San Juan di Puerto Rico dan pulau Bermuda di lautan Atlantik di dalam majalah Argosy pada tahun 1964. Walau bagaimanapun, tidak semua penulis-penulis berikutnya mengikuti takrifan tersebut dan pengesahan sama ada sebarang kejadian adalah berlaku di dalam kawasan Segi tiga Bermuda adalah amat bergantung kepada andaian penulis artikel masing-masing.

Pada 17 September 1950, Edward Van Winkle Jones merupakan penulis paling awal menceritakan kehilangan secara misteri di kawasan Bermuda dan cerita tersebut telah dilaporkan oleh di akhbar The Miami Herald (Associated Press). Dua tahun kemudian pula, George X. Sand telah menulis artikel bertajuk 'Misteri laut di pintu belakang rumah kita' di mana beliau telah mengulas mengenai kehilangan beberapa kapal terbang dan kapal laut. Artikelnya juga memuatkan cerita kehilangan sekumpulan lima kapal pengebom tentera laut Amerika, TBM Avenger, di dalam penerbangan Flight 19, semasa mereka dalam misi latihan ketenteraan. George X. Sand adalah orang yang pertama cuba mengaitkan kuasa luar biasa (super natural) atau kuasa makhluk asing dengan kejadian penerbangan Flight 19.


Kejadian-kejadian di segi tiga Bermuda menjadi sangat sinonim dengan kehadiran makhluk asing atau UFO sehingga idea tersebut telah mempengaruhi pengarah filem terkemuka Steven Spielberg bagi menerbitkan filem cereka sainsnya bertajuk Close Encounter of the Third Kind. Filem tersebut mengandaikan bahawa kehilangan anak kapal Flight 19 adalah kerana diculik oleh makhluk asing.

Ada juga yang membuat andaian bahawa kejadian misteri di segi tiga Bermuda adalah akibat daripada kesan peninggalan teknologi sebuah benua mitos yang telah tenggelam di dasar lautan Atlantik yang bernama 'Atlantis'. Cerita Atlantis telah dikaitkan dengan kemunculan pembentukan batuan yang dikenali sebagai Bimini Road berdekatan dengan pulau Bimini di Bahamas yang didakwa oleh sesetengah penulis bahawa ianya berada di dalam kawasan segi tiga Bermuda. **A**

Apa dan di mana segi tiga Bermuda itu?

Segi tiga Bermuda merupakan suatu kawasan segi tiga di atas lautan di sebelah barat Lautan Atlantik Utara bersebelahan dengan laut Carribean. Setiap bucu segi tiga terletak di tiga wilayah berbeza iaitu pulau Bermuda, Florida dan Puerto Rico. Untuk beberapa dekad yang lalu, telah banyak laporan mengenai kehilangan kapal laut dan kapal terbang secara misteri di kawasan tersebut.

US/UK World Magnetic Model -- Epoch 2010.0  
Main Field Declination (D)



Segi tiga Bermuda atau Bermuda Triangle memang terkenal dengan cerita-cerita misterinya yang melibatkan kehilangan kapal-kapal laut dan kapal terbang yang melalui kawasan tersebut.

Ada yang mengatakan sekiranya kapal laut melaluinya ia akan mengha-

dapi bahaya ditelan oleh pusaran air yang besar ke dasar lautnya. Begitu juga dengan kapal terbang yang melintasi ruang udara perairan tersebut akan turut mengalami gangguan arah kompas atau kehilangan arah penerbangan lalu terjunam ke dasar lautannya.




Petikan  
Hadis

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalaupun semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalamah-kalamah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalamah-kalamah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan. (al-Khafi: 109)*

Environment - General

Pg: 56 - 59

# Fakta berkaitan SEGITIGA BERMUDA



## 1 Laporan yang keterlaluan

Kenapa kapal laut dan kapal terbang yang melintasi kawasan tersebut tiba-tiba lenyap? Suatu perkara yang perlu disorot terlebih dahulu adalah, sejauh manakah ke-sahihan kejadian-kejadian tersebut?

Menurut Lawrence David Kusche seorang pustakawan penyelidikan dari Arizona State University yang telah menulis buku *Misteri segi tiga Bermuda*: Terungkap, menyatakan bahawa penulis mengenai kejadian di kawasan Bermuda telah dilakukan dengan cara yang keterlaluan dan melampau, tanpa pengesahan dan juga tanpa bukti-bukti sokongan yang kukuh. Kusche mendapati bahawa sebahagian besar kejadian sebenarnya berlaku di luar kawasan segi tiga Bermuda!

Semakan oleh Kusche mendapati bahawa peristiwa-peristiwa lain yang turut berkait dengan peristiwa kehilangan seperti keadaan cuaca buruk, tidak pernah dilaporkan semasa kejadian kehilangan. Menurut Kusche lagi, setiap kejadian kehilangan kapal akan dilaporkan tetapi, tidak pernah disemak dan disahkan dengan laporan kepulauan semula kapal-kapal ke pelabuhan.

Setengah kehilangan juga didapati sebenarnya tidak pernah berlaku! Sebagai contohnya, sebuah kapal terbang yang telah dilaporkan terhempas di hadapan 'ribuan saksi' di luar pantai Daytona, Florida pada tahun 1937. Setelah dilakukan semakan semula ke atas akhbar-akhbar utama tempatan di sekitar tarikh kejadian tersebut menunjukkan bahawa, tiada sebarang laporan ke atas kejadian tersebut yang telah dibuat oleh mana-mana akhbar.

## 2 Kebanyakan kapal sebenarnya karam di tempat lain

Lloyd's of London yang merupakan Perunding Pemasaran Insurans Marin semasa ditemui bual di dalam sebuah rancangan TV bertajuk *The Bermuda Triangle* yang telah diterbitkan oleh John Simmons of Geofilms untuk siri Equinox bagi program televisyen United Kingdom, Channel 4 memaklumkan bahawa, kebanyakan kapal yang karam sebenarnya tidak berlaku di dalam kawasan segi tiga Bermuda. Kenyataan tersebut telah disokong

oleh data yang telah dikumpulkan oleh pasukan pengawal pantai Amerika Syarikat, the US Coast Guard. Syarikat Loyd's juga tidak pernah mengenakan yuran caruman insurans yang lebih tinggi kepada mana-mana kapal yang ingin berlayar melintasi kawasan segi tiga Bermuda.

## 3 Kejadian berada di luar kawasan segitiga Bermuda

The US Coast Guard, mendapati bahawa banyak perkara yang telah dilaporkan oleh penulis mengenai segi tiga Bermuda adalah tidak benar. Salah satu contohnya ialah peristiwa karamnya kapal tangki SS. V. A. Fogg di mana, pasukan Coast Guard telah mengambil gambar serpihan kapal tersebut dan telah menemui beberapa jasad. Penulis telah melaporkan bahawa semua anak kapal telah hilang dan yang tinggal hanyalah kapten kapal tersebut yang telah dijumpai sedang duduk di mejanya di kabin kapal sambil memegang erat cawan kopi. Yang lebih menghairankan ialah, kapal V. A. Fogg sebenar telah karam di luar pantai Texas yang jelas begitu jauh daripada mana-mana salah satu sempadan kawasan segi tiga Bermuda.

## 4 Kekuatan medan magnet Bermuda biasa!

Masalah kompas adalah merupakan salah satu fakta yang sering kali disebut dalam laporan kejadian di segi tiga Bermuda sehingga ada yang mendakwa wujudnya medan magnet dengan

kekuatan luar biasa di kawasan tersebut. Kajian saintifik tidak pernah menunjukkan sebarang bacaan kekuatan atau pemasangan medan magnet yang luar biasa di kawasan segi tiga Bermuda. Arah jarum kompas di kawasan segi tiga Bermuda adalah sebenarnya sentiasa menunjukkan arah kutub Utara Bumi yang betul dan bukannya tersasar terlalu jauh daripada Kutub Utara Bumi sebenar.

Daripada pemetaan pemasangan medan magnet Bumi dari arah Utara sebenar bumi didapati bahawa kawasan segi tiga Bermuda mengalami pemasangan yang kecil sahaja iaitu di sekitar 10 darjah sahaja (rujuk US/UK World Magnetic Model - Epoch 2010.0 Main Field Declination D). Dan segi kekuatan medan magnet bumi pula kawasan Segitiga Bermuda bukanlah merupakan kawasan yang mempunyai kekuatan medan magnet tertinggi. Kekuatan medan magnet bumi di segitiga Bermuda hanya antara 40,000 hingga 45,000 nano-Tesla sahaja berbanding dengan 60,000 nano-Tesla seperti di Kanada dan Siberia (rujuk US/UK World Magnetic Model - Epoch 2010.0 Main Field Total Intensity F).

## 5 Siklon Tropika kerap berlaku

Siklon tropika merupakan ribut yang sangat kuat yang terbentuk di kawasan tropika dan berupaya mengorbankan banyak

nyawa dan menyebabkan kemusnahan bernilai berbilion dolar. Ribut ini pernah menyebabkan beberapa kejadian di kawasan segi tiga Bermuda dan Harvey Conover seorang ahli perniagaan juga pernah kehilangan kapal layarnya, the *Renovac*, yang musnah ketika beliau berlayar di gigi ribut di Selatan Florida pada 1 Januari 1958 tetapi, bukannya kerana di culik oleh makhluk asing!

## 6 Gelembung gas asli methana

Kejadian gelembung gas asli methana hidrat yang besar akibat pelepasan gas tersebut daripada terperangkap di antara lapisan batuan di dasar lautan ke permukaan laut dikatakan boleh menyebabkan kapal karam dan tenggelam. Kajian makmal di Australia telah mengesahkan bahawa gelembung gas boleh menenggelamkan model kapal dengan mengurangkan ketumpatan air. Letusan gas methana daripada dasar lautan inilah yang dipercayai mampu menenggelamkan kapal di kawasan Segi tiga Bermuda tanpa sebarang petanda amaran.

Walaupun bagaimanapun, menurut US Geological Survey (USGS), letusan besar gas methana di kawasan segi tiga Bermuda tidak pernah wujud untuk tempoh sejak 1500 tahun yang lalu.

## Fakta sebenar

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dinyatakan di atas ternyata bahawa cerita mengenai misteri segi tiga Bermuda adalah merupakan suatu bentuk mitos semata-mata dan gambaran sebenar kawasan tersebut sebenarnya sangat berbeza dengan seperti yang telah digembar-gemburkan sebelum ini.

Kawasan segi tiga Bermuda merupakan antara kawasan laluan kapal laut yang paling sibuk di dunia di mana, setiap hari ada sahaja kapal yang melintasi dengan selamat untuk ke pelabuhan-pelabuhan di Amerika, Eropah dan Kepulauan Caribbean. Kapal persiaran dan kapal-kapal pelancongan juga kerap pergi balik antara Florida dan pulau-pulau berhampiran. Kawasan tersebut juga merupakan kawasan laluan kapal terbang yang sibuk dari Utara menuju ke Florida, Caribbean dan Amerika Selatan. Bandar Freeport yang terletak di dalam segi tiga Bermuda difahami mengendalikan sebuah pelabuhan yang besar dan lapangan terbang dengan jumlah 50,000 penerbangan setahun serta turut dikunjungi oleh sejuta pelancong setahun! **A**

## 7 Tidak wujud dalam peta rasmi Amerika

Tentera Laut Amerika dan pasukan the US Coast Guard menyatakan bahawa peta kawasan Amerika Syarikat tidak pernah menunjukkan kawasan persempadanan bagi Segi tiga Bermuda dan nama segi tiga Bermuda juga tidak pernah diiktiraf oleh US Board on Geographic Names sebagai satu nama rasmi dalam senarai geografi Amerika Syarikat. Amerika juga tidak pernah mewujudkan sebarang fail khas untuk kawasan tersebut.

## 8 Tidak tersenarai sebagai 10 lautan paling bahaya

Kajian yang telah dijalankan oleh World Wide Fund for World Oceans Day telah tidak menyenaraikan segi tiga Bermuda sebagai di antara 10 kawasan perairan yang paling bahaya di dunia. **A**